



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 26 JULAI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Warga Thailand sewa stor di tebing Sungai Golok seludup barang

Tumpat: Kebanyakan stor di tebing Sungai Golok disewa warga Thailand daripada penduduk tempatan untuk kegiatan penyeludupan barang kawalan.

Kadar sewa dikenakan pemilik tanah antara RM700 hingga RM1,000 sebulan, namun penyewa memperoleh pulangan berkali ganda hasil penyelewengan barang kawalan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail, berkata dari Pengkalan Kubor hingga Jeli, terdapat lebih 100 stor haram yang dibina bagi tujuan itu.

"Stor haram yang dibina itu bersifat *on-off* bergantung operasi dan kawalan pihak berkuasa. Jika mereka (penyeludup) mengesan penguatkuasaan kami, stor itu tidak akan beroperasi untuk seketika.

"Biasanya maklumat yang diterima daripada tonto yang sentiasa menyalurkan perkembangan

pergerakan pihak berkuasa," katanya ketika dihubungi.

Azman berkata, walaupun stor haram itu disewa oleh warga Thailand, penyeludupan barang kawalan hampir keseluruhan dilakukan oleh warga tempatan.

Katanya, joki atau pembawa barang diupah sekitar RM20 hingga RM30 untuk sekali penghantaran daripada tempat barang diambil sehingga ke stor di tebing sungai.

"Kenderaan yang digunakan juga bukan milik mereka, sebaliknya disediakan oleh penyewa stor. Penjaga stor juga dalam kalangan warga tempatan dan menerima upah dalam kadar sama.

"Mereka terbabit dalam penyelewengan bukanlah sepenuh masa tapi menjadikannya sebagai kerja hakiki," katanya.

Sewa rumah mewah
Sementara itu di **Butterworth**, sekumpulan war-

ga Pakistan sanggup membayar RM1,200 sebulan menyewa rumah mewah di sini, semata-mata bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Mereka mungkin menganggap tindakan penguatkuasaan hanya bertumpu di kawasan menempatkan kediaman biasa atau rumah kongsi pekerja, namun silap kerana kawasan perumahan mewah didiami kumpulan itu juga digempur Jabatan Imigresen.

Dalam operasi Selasa lalu, Jabatan Imigresen Pulau Pinang memaklumkan, empat lelaki Pakistan berusia antara 30 hingga 45 tahun ditahan kerana tinggal di negara ini melebihi tempoh dibenarkan dan gagal mengemukakan dokumen perjalanan yang sah.

Katanya, pemeriksaan lanjut mendapati mereka menyewa rumah itu RM1,200 sebulan dan siasatan lanjut akan dibuat terhadap pemilik kediaman berkenaan.

Dua peruncit tiada lesen jual minyak pekett, tepung

Kedai runcit angkut barang kawalan

Oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN

GEORGE TOWN – Tindakan dua peruncit menjalankan operasi perniagaan barang kawalan tanpa lesen akhirnya memakan diri apabila diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang di Bayan Lepas di sini, semalam.

Pengarahnya, S. Jegan berkata, serbuan tersebut dijalankan sepasukan penguat kuasa KPDN dengan kerjasama Cawangan Siasatan dan Perisikan Khas (CSPK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman.

Menurutnya, serbuan pertama dijalankan ke atas sebuah kedai runcit, manakala serbuan kedua terhadap sebuah kenderaan pacuan empat roda (4WD) milik peruncit lain yang dipercayai datang mengambil bekalan daripada peruncit pertama.

"Sebanyak 300 kilogram (kg)



PENGUAT kuasa KPDN Pulau Pinang memeriksa barangan kawalan ketika operasi di Bayan Lepas, semalam.

minyak masak pekett pelbagai jenama, 370kg gula termasuk premium, 129 unit tepung gandum pelbagai jenama dirampas untuk tindakan selanjutnya.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM37,209 dan kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan pelanggaran Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974," katanya di sini semalam.

Beliau memberitahu, pihaknya kini giat melaksanakan pengawasan dan rondaan di negeri itu bagi mengekang ketirisan aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan bersubsidi.

"Kita secara konsisten menggerakkan tindakan penguatkuasaan dan kita tidak akan sesekali berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah KPDN, khususnya melibatkan penyelewengan barangan kawalan dan bersubsidi," katanya.

PENYELEWENGAN BARANG KAWALAN

Sewa RM1k tapi untung berganda

Majoriti stor dibina di tebing Sungai Golok disewa warga Thailand



100

Stor haram dibina sepanjang Pengkalan Kubor hingga Jeli.

ANTARA stor haram yang diserbu pihak KPDN ketika operasi bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Pulau Ular, Pengkalan Kubor yang dipercayai dijadikan lokasi pengumpulan barang kawalan sebelum diseludup ke Thailand.

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Majoriti stor yang dibina di tebing Sungai Golok disewa oleh warga Thailand daripada penduduk tempatan untuk kegiatan penyelewengan barang kawalan.

Difahamkan kadar sewa yang dikenakan oleh pemilik tanah antara RM700 hingga RM1,000 sebulan namun penyewa memperoleh pulangan berkali ganda hasil aktiviti penyelewengan barang kawalan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, sepanjang Pengkalan Kubor hingga Jeli, terdapat lebih 100 stor

haram yang dibina bagi tujuan aktiviti tidak bermoral itu.

"Stor haram yang dibina itu bersifat 'on off' bergantung kepada operasi dan kawalan pihak berkuasa, jika mereka (penyeludup) mengesan penguatkuasaan kami, maka stor itu tidak akan beroperasi untuk seketika.

"Biasanya maklumat yang diterima adalah daripada tonto yang sentiasa menyalurkan perkembangan pergerakan pihak berkuasa," katanya ketika dihubungi.

Azman berkata, walaupun stor haram itu disewa oleh warga Thailand, aktiviti penyelewengan barang kawalan hampir keseluruhan dilakukan oleh warga tempatan.

Menurutnya lagi, joki atau pembawa barang diupah sekitar RM20 hingga

RM30 untuk sekali penghantaran daripada lokasi barang diambil sehingga ke stor di tebing sungai.

"Kenderaan yang digunakan juga bukan milik mereka sebaliknya disediakan oleh penyewa stor malah penjaga stor juga adalah dalam kalangan warga tempatan juga dan menerima upah dalam kadar yang sama.

"Mereka ini terbabit dalam aktiviti penyelewengan bukan sepenuh masa tapi menjadikannya sebagai kerja hakiki dan salah satu sebab adalah ia pekerjaan turun temurun," katanya.

Dalam perkembangan penyelewengan diesel, Azman berkata, aktiviti itu semakin berkurangan sejak pelaksanaan penyasaran subsidi diesel baru-baru ini namun penyelewengan beralih kepada

petrol.

Beliau berkata, aktiviti penyelewengan bahan bakar itu tidak berubah namun pihaknya sentiasa mempergiatkan operasi serta kawalan dan peka dengan perubahan modus operandi yang digunakan penyeludup.

"Setakat ini tiada modus operandi yang terbaharu melainkan tetap menggunakan kenderaan dengan tangki ubahsuai, kerap memulakan pengisian petrol pada awal pagi dan membuat pengisian berulang di stesen minyak yang dikenal pasti.

"Justeru itu, pemantauan dan rondaan pencegahan ketirisan barang kawalan di stesen-stesen minyak sekitar radius 50 kilometer dari sempadan negara sentiasa dipergiatkan," katanya.

SOROK 515 TONG LPG

Cabut lari ketika stor diserbu KPDN

Port Dickson: Sempat cabut lari sebaik menyedari premis yang dijadikan stor penyimpanan haram tong gas petroleum cecair (LPG) subsidi diserbu Pasukan Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan.

Dalam operasi di sebuah premis di sini, jam 11.50 pagi kelmarin, sebanyak 515 tong LPG yang juga barang kawalan bersubsidi dianggarkan bernilai RM59,194.80 dirampas.

Pengarahnya, Muhammad Zahir Mazlan berkata, pihaknya melakukan operasi Ops Tiris susulan maklumat risikan dilakukan.

"Turut disita di dalam serbuan itu dua lori, hos, alat timbang elektronik, tong ais dan plastik ais dianggarkan bernilai RM109,084.80.

"Semua barangan itu disita kerana pemiliknya menguruskan dengan barang kawalan tanpa lesen atau permit yang sah.

"Ia menjadi kesalahan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan

1974," katanya.

Muhammad Zahir berkata, semasa serbuan dijalankan, tiada pihak bertanggungjawab ditemui di premis itu.

"Kami tidak akan berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah KPDN, khususnya dalam membanteras ketirisan dan penyelewengan barang kawalan bersubsidi bagi memastikan aktiviti haram yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada rakyat dan negara ini," katanya.

“Dua lori antara disita dalam serbuan babitkan RM109,084.80 Muhammad Zahir”



PEGAWAI KPDN Negeri Sembilan memeriksa gas LPG dalam operasi Op Tiris di satu lokasi di Port Dickson.

Pengunjung berpeluang menang hadiah lumayan seperti motosikal, umrah

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

Ada banyak aktiviti, rugi kalau datang hanya sehari

Karnival Rakyat Karangkraf 2024 yang berlangsung di Kompleks Karangkraf di sini selama tiga hari bermula hari ini, menjanjikan pengalaman istimewa kepada pengunjung menerusi pelbagai aktiviti menarik dan peluang memenangi hadiah lumayan.

Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin berkata, pengunjung berpeluang memenangi motosikal dan pakej umrah dalam sesi cabutan bertuah.

"Jangan lepaskan peluang untuk membawa pulang pelbagai lagi hadiah menarik yang ditawarkan. Ada juga jam tangan, barangan elektrik dan banyak lagi. Pengunjung hanya perlu mendaftar di kaunter yang disediakan," katanya pada Khamis.

Katanya, antara tarikan lain di Karnival Rakyat Karangkraf kali ini ialah Rumah Puaka Nusantara, Sukaneka Rakyat, Mini Zoo, Fiesta Kucing TomKraf, Jualan Rahmah Madani, SinarPlus MakanFest dan Jualan Buku Karangkraf.

"Banyak aktiviti yang disediakan termasuk pertunjukan unit beruniform serta pertandingan seni dan kebudayaan. Tidak cukup hanya datang



FARAH

sehari sahaja ke karnival kali ini," ujarnya.

Farah berkata, Karnival Rakyat Karangkraf akan dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali hari ini pada jam 3 petang.

"Acara ini diadakan di pentas utama dan pengunjung juga boleh menghadiri sesi Town Hall Rakyat bersama Datuk Armizan pada jam 4 petang di Studio MyQuranTime, Kompleks Karangkraf," katanya.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dengan teliti untuk membawa kelainan dan memberikan pengalaman unik kepada pengunjung.

Katanya, persiapan rapi juga telah dilakukan dan pihaknya bersedia menerima kehadiran pengunjung.

Karnival Rakyat Karangkraf 2024 mengembalikan nostalgia zaman dahulu menerusi tema tradisional dan kerakyatan memabitkan dua komponen utama iaitu sukan rakyat dan pentas rakyat.

Program yang akan berlangsung dari jam 9 pagi hingga 7 malam itu, dianjurkan sempena sambutan ulang tahun ke-18 Sinar Harian.



FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

Karnival Rakyat Karangkraf berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sehingga Ahad di Kompleks Karangkraf, Shah Alam.



Ketua Pemasaran dan Penjenamaan Grup Sinar Karangkraf, Nik Justin Nik Mohd Ariffin (kanan) memeriksa hadiah cabutan bertuah yang bakal dimenangi pengunjung.



Grup Buku Karangkraf menawarkan diskaun sehingga 80 peratus kepada pengunjung.



Persiapan akhir bagi Karnival Rakyat Karangkraf giat dilakukan pada Khamis.

Karnival Rakyat

26 JULAI 2024 JUMAAT

Pentas Utama

8:30 pagi - 12:00 tengah hari
Pertandingan Dikir Baiti ADBA
Mentor: Datuk Armizan Mohd Ali

12:00 tengah hari
Cabutan Bertuah

2 petang - 4 petang
Pertandingan Nyanyian Puli & Lagu

4 petang - 6 petang
Majlis Penyerahan
Karnival Rakyat Karangkraf 2024 oleh
Mentor Pertandingan Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup
YB Datuk Armizan Mohd Ali

6 petang - 8 petang
Sambutan Pertandingan Puli & Lagu

Studio My QuranTime

8:30 pagi - 12:00 tengah hari
Pertandingan Deklamasi Sajak Baiti Rakyat
Mentor: Datuk Armizan Mohd Ali

4 petang - 6 petang
Townhall Rakyat Bersama
Mentor Pertandingan Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup
YB Datuk Armizan Mohd Ali

TOWNHALL

Bilik QTT

4 pagi - 12 tengah hari
Pertandingan Melukis
Pasar WISDA

12:00 tengah hari
Cabutan Bertuah

2 petang - 4 petang
Pertandingan Melukis
Pasar WISDA

Dewan Karangkraf

8 pagi - 12:30 tengah hari
Pertandingan Dendangan Syair
Mentor: Datuk Armizan Mohd Ali

2 petang - 4 petang
Pertandingan Dendangan Syair
(Terdapat 3 kategori)

Zon Padang

8 pagi - 12:00 tengah hari
Sukaneka Kamping
(Sukaneka)

2 petang - 4 petang
Tulis Falsafah

4 petang - 6 petang
Tatung Lari
(Sukaneka)

KPDN seizes hoarded staples in Bayan Lepas

GEORGE TOWN: The Penang branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) seized a significant quantity of subsidised cooking oil, sugar and flour during raids on two grocery stores in Bayan Lepas near here yesterday.

State KPDN director S. Jegan said the raids, conducted through a joint operation with the police, were done following information and intelligence regarding the premises, under the suspicion of operating without controlled goods permits.

"The first case involved an inspection of a grocery store suspected of operating without a controlled goods permit.

"In the second case, a vehicle suspected of transporting controlled goods heading to a nearby grocery store was detained," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

Jegan said further inspection revealed that the grocery store was also operating without a controlled goods permit, resulting in action being taken against the owner.

As a result of the two raids, the authorities seized 300kg of various branded cooking oil packets, 330kg of coarse granulated sugar, 40kg of premium coarse sugar and 129 packs of various branded wheat flour.

A pickup truck was also seized in these raids.

Jegan said the total value of the seizures were estimated at RM37,209.90.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kos pengangkutan tinggi

PENIAGA TERPAKSA NAIK HARGA

KHAIRUL IDIN

MAJORITI peniaga kecil di Labuan mengeluh dan bimbang terhadap hasil jualan mereka yang semakin menurun susulan harga bekalan barangan mentah dan kering yang semakin meningkat.

Tinjauan Wilayahku di beberapa lokasi tumpuan di sekitar pusat bandar mendapati cili padi dijual pada harga RM28 sekilogram berbanding RM18 sekilogram sebelum ini.

Manakala sawi pula dijual pada harga RM11 sekilogram berbanding RM7 sekilogram sebelum ini dan kangkung pula pada RM10 sekilogram berbanding RM8 sebelum ini.

Dalam masa sama, faktor kos pengangkutan turut menjadi penyebab kenaikan harga gula, telur dan minyak masak.

Rata-rata peniaga yang ditemui meluahkan rasa tertekan dengan harga barangan yang sentiasa berubah setiap minggu.

Menurut peniaga kuih-muih, **Nasrah Suib**, 43, harga tersebut sangat memberi kesan kepada perniagaannya dari segi kos yang mana dia terpaksa menggunakan modal pusingan.

"Dengan keadaan ekonomi yang mencabar, saya terpaksa menaikkan harga jualan berbanding sebelum ini kerana harga tepung meningkat.

"Ramai pelanggan yang datang mengeluh dengan harga baharu yang ditetapkan namun saya terpaksa. Jika setia dengan harga lama, saya tak ada untung," katanya ketika ditemui Wilayahku.

Tambahnya lagi, kenaikan tersebut membuatkan perniagaannya mengalami kemerosotan sebanyak lima peratus.



NASRAH

Turut berdepan situasi sama, sebagai peniaga sayur, **Masniah Basung**, 37, terpaksa menjual sayur-sayuran berdasarkan harga semasa yang ditetapkan oleh pemborong.

"Kami mendapatkan bekalan sayur-sayuran daripada pembekal di Sabah. Jika mereka menaikkan harga, maka kami sebagai peniaga terpaksa menjual pada harga lebih tinggi.

"Harga sayur di sini berubah-ubah mengikut musim. Adakalanya murah sedikit ada masanya naik mendadak. Sebagai peniaga, saya tertekan apabila harga bekalan sentiasa berubah-ubah," luahnya.

Ujarnya, dia kini terpaksa bertahan dengan perniagaannya biarpun hanya memperoleh sedikit keuntungan.

"Saya berharap pihak bertanggungjawab segera memantau isu ini, apabila harga barang keperluan naik, pihak berkuasa perlu mengambil berat mengenainya.

"Pada pendapat saya, perlu selaraskan harga, sekiranya orang ramai

kurang berbelanja, peniaga seperti kami berdepan kesukaran," katanya.

Sementara itu, peniaga ikan, **Saidi Omar**, 61, merayu agar adanya langkah proaktif sebelum mencapai tahap kritikal dan membebaskan semua pihak.

"Kami yang berniaga ikan di Pasar Sentral ini turut mengalami tekanan dengan kenaikan harga bekalan ikan. Kami dapat dengan harga tinggi maka terpaksa jual dengan harga sedemikian, jika tidak kami rugi," katanya.

Dia turut mengakui, bukan sahaja



MASNIAH



HARGA barangan mentah di Labuan berubah-ubah sejak kebelakangan ini.

peniaga yang terkesan malah pembeli juga turut meluahkan rasa terkilan dengan situasi yang melanda kini.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan, **Junaidah Arbain** berkata kenaikan harga barangan mentah berlaku susulan daripada kos

pengangkutan yang ditanggung oleh pembekal dari Sabah dan Semenanjung.

Katanya, berdasarkan

pemantauan, situasi bekalan terutamanya barang kawalan adalah mencukupi dan dijangka mampu memenuhi keperluan pasaran di pulau itu.

"KPDN telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan kesinambungan bekalan barangan asas di pulau ini sentiasa mencukupi," katanya.

Beliau turut menasihati kepada pemborong dan peruncit supaya menguruskan stok simpanan mereka secara bertanggungjawab.



JUNAIDAH

"Para pemborong dan peruncit diberi peringatan agar tidak menyorok bekalan bagi mengelakkan lonjakan harga, pembelian panik dalam kalangan pengguna di Labuan.

"Penghantaran yang tertangguh dan permintaan meningkat berikutan kebimbangan pengguna yang menyimpan stok sekali gus menyebabkan kenaikan harga barangan keperluan dalam beberapa minggu kebelakangan ini, terutama di kawasan kampung," katanya. 



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 26 JULAI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Jul	P.Pinang: Peruncit simpan barang kawalan tanpa lesen berdepan tindakan	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/p-pinang-peruncit-simpan-barang-kawalan-tanpa-lesen-berdepan-tindakan/	UTUSAN MALAYSIA
26-Jul	Peruncit di Bayan Lepas dikenakan tindakan simpan barang subsidi tanpa lesen	https://malaysiagazette.com/2024/07/25/peruncit-di-bayan-lepas-dikenakan-tindakan-simpan-barang-subsidi-tanpa-lesen-berdepan-tindakan/	MALAYSIA GAZETTE
26-Jul	Simpan barangan subsidi tanpa lesen, peruncit berdepan tindakan KPDN	https://www.buletintv3.my/nasional/simpan-barangan-subsidi-tanpa-lesen-peruncit-berdepan-tindakan-kpdn/	BULETIN TV3
26-Jul	Two Bayan Lepas retailers storing subsidised goods without permits in hot soup	https://thesun.my/local-news/two-bayan-lepas-retailers-storing-subsidised-goods-without-permits-in-hot-soup-BD12772542	THE SUN
26-Jul	Warga Thailand sewa stor haram untuk aktiviti penyelewengan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1114851/warga-thailand-sewa-stor-haram-untuk-aktiviti-penyelewengan	HARIAN METRO
26-Jul	Pengarah syarikat stesen minyak didenda RM100,000	https://malaysiagazette.com/2024/07/25/pengarah-syarikat-stesen-minyak-didenda-rm100000/	MALAYSIA GAZETTE
26-Jul	Jual diesel bersubsidi kepada pelanggan, pengarah syarikat stesen minyak didenda RM100,000	https://www.buletintv3.my/mahkamah/jual-diesel-bersubsidi-kepada-pelanggan-pengarah-syarikat-stesen-minyak-didenda-rm100000/	BULETIN TV3
26-Jul	Pengarah syarikat stesen minyak didenda RM100,000 jual diesel bersubsidi	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1115085/pengarah-syarikat-stesen-minyak-didenda-rm100000-jual-diesel-bersubsidi	HARIAN METRO

26-Jul	Petrol station operator fined RM100,000 for selling subsidised diesel	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/07/1081687/petrol-station-operator-fined-rm100000-selling-subsidised-diesel	NEW STRAITS TIMES
26-Jul	Keris Tok Chu, sampir Kuseriwa diisytihar warisan Kelantan	https://www.sinarharian.com.my/article/676904/edisi/kelantan/keris-tok-chu-sampir-kuseriwa-diisytihar-warisan-kelantan	SINAR HARIAN
26-Jul	KERIS TOK CHU, SAMPIR KUSERIWA DIISYTIHAR WARISAN KELANTAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2321924	BERNAMA
26-Jul	Keris Tok Chu, Sampir Kuseriwa diisytihar warisan Kelantan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keris-tok-chu-sampir-kuseriwa-diisytihar-warisan-kelantan-480665	ASTRO AWANI